

18 AUG 1998

Annuar - Kampung

TIGA KAMPUNG ORANG ASLI JADI PERINTIS PROJEK BERSEPADU

IPOH, 18 Ogos (Bernama) -- Tiga penempatan Orang Asli dipilih sebagai perintis projek pembangunan bersepadu Kementerian Pembangunan Luar Bandar, satu daripada usaha mempercepatkan pembangunan kampung-kampung terpencil.

Menteri berkenaan, Datuk Annuar Musa berkata, Kampung Orang Asli Kuala Mu di Sungai Siput, Pos Lanai Kuala Lipis Pahang dan Pos Brooke di Cameron Highlands akan dibangunkan menerusi konsep pengupayaan penduduk.

Kementerian mengenalpasti 200 buah perkampungan terpencil di seluruh negara yang akan dibangunkan mengikut konsep itu secara berperingkat-peringkat, katanya kepada pemberita selepas majlis perhimpunan penduduk desa Program Wacana Cinta Negara di sini hari ini.

Menurut Annuar, menerusi konsep itu, penduduk kampung akan digemblengkan bersama-sama membangunkan penempatan mereka seperti menyediakan input bagi pembinaan rumah selain projek-projek dilaksanakan secara gotong-royong.

"Rumah-rumah di bawah program Pembangunan Rakyat Teriskin (PPRT) di ketiga-tiga penempatan itu akan menggunakan rekabentuk dan bahan tempatan dengan penduduk diupah menganyam atap rumbia dan dinding daripada bertam dan buluh bagi projek itu", katanya.

Beliau berkata, lantai rumah mereka juga akan menggunakan kayu dari kawasan sekitar dan menerusi kaedah itu, kira-kira 200 buah rumah di ketiga-tiga penempatan terbabit akan terbabit.

Menurutnya, selain jalan luar bandar, penempatan itu turut mendapat bekalan air paip melalui telaga tiub, bekalan elektrik daripada tenaga suria, sekolah, tadika serta pustaka desa.

Kerja-kerja di ketiga-tiga penempatan itu sudah dimulakan sejak dua bulan lepas dan dijangka siap sepenuhnya sebelum akhir tahun ini.

Kementerian itu juga sedang mengkaji kemungkinan menjadikan Kuala Mu sebagai pusat tanaman herba untuk dibekalkan kepada Persatuan Perubatan Tradisional serta syarikat-syarikat kosmetik, katanya.

Beliau berkata, berdasarkan perbincangan dengan persatuan itu, pokok herba yang diperlukan termasuklah tongkat Ali, kacip Fatimah, pegaga dan serai wangi.

Sementara itu, Annuar berkata mesyuarat Jemaah Menteri esok akan membincangkan mengenai garis panduan baru projek-projek kecil di peringkat kampung termasuk yang membabitkan peruntukan wakil rakyat.

Menurutnya, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) di Jabatan Perdana Menteri sudah menyediakan garis panduan baru yang bertujuan memastikan projek kecil sampingan kepada rakyat itu memberi faedah secara langsung kepada penduduk.

Projek-projek itu antara lain membabitkan bantuan bencana alam, agama, aktiviti sukan, bantuan kepada orang miskin dan uzur yang kebanyakannya datang daripada peruntukan wakil-wakil rakyat.

Jemaah Menteri juga dijangka akan membincangkan projek-projek kecil luar bandar yang baru yang boleh mengerakkan pembangunan ekonomi negara, katanya.

Mengenai program Wacana Cinta Negara itu yang memasuki siri ketujuh, Annuar berkata, kementerian akan mengedarkan kira-kira 40,000 naskah buku yang mengandungi ucapan-ucapan penting Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin lain, yang menyentuh mengenai usaha pemulihan ekonomi negara.

Beliau berkata, buku itu akan mula diedarkan bulan depan kepada badan

bukan kerajaan serta pemimpin masyarakat di peringkat kampung bertujuan memberi kefahaman yang lebih jelas mengenai isu kegawatan ekonomi, punca serta cara mengatasinya.

Ini kerana kementerian mendapati ada pihak-pihak mengambil kesempatan mengadakan siri ceramah di kampung-kampung dengan menyelewengkan fakta dan maklumat bagi kepentingan diri sendiri, katanya.

--BERNAMA

LAT oba